



Perdagangan Luar Negeri, Imbangan Pembayaran dan Kadar Pertukaran Asing

Tinjauan Keseluruhan

Kedudukan ekonomi luar Malaysia dijangka kekal kukuh sungguhpun ekonomi dunia mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan. Akaun semasa imbangan pembayaran terus mencatatkan lebih empat tahun berturut-turut. Walaupun lebihan tersebut dianggarkan lebih kecil, tetapi masih ketara iaitu pada kadar 7.9% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK). Defisit perkhidmatan dijangka bertambah baik disebabkan aliran masuk pengangkutan dan perjalanan yang lebih tinggi. Pola perdagangan Malaysia, dengan rakan dagangan utama yang terdiri daripada Amerika Syarikat (AS), Jepun, Singapura dan Kesatuan Eropah (EU), dijangka tidak berubah. Kedudukan ekonomi luar Malaysia yang kukuh juga disokong oleh regim mata wang berkadar tetap yang dijangka akan terus mewujudkan keadaan stabil dan yang lebih menentu dalam aktiviti ekonomi, terutamanya bagi pengeksport dan pengimport Malaysia.

Prestasi Eksport

Pendapatan eksport kasar Malaysia (percuma atas kapal atau harga p.a.k.) dianggarkan berkurangan sebanyak 10.6% pada tahun 2001 setelah mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 16.1% pada tahun 2000. Penguncupan tersebut disebabkan sebahagian besarnya oleh pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih perlahan dan penurunan dalam permintaan barangan elektronik. Sumbangan eksport barangan perkilangan adalah dijangka sebanyak 87.2% (2000: 86.8%) daripada nilai eksport dan kekal


sebagai penyumbang utama kepada jumlah pendapatan eksport Malaysia.

Pendapatan eksport komoditi pertanian utama dijangka berkurangan 6.8% (2000: -20.2%), sebahagian besarnya disebabkan oleh harga minyak kelapa sawit dan minyak isirong kelapa sawit yang rendah akibat lebihan penawaran dalam pasaran minyak sayuran dan lemak dunia, khususnya pada enam bulan pertama tahun 2001. Di sektor perlombongan pula, pendapatan eksport dianggarkan berkurangan 11.2% (2000: 60.9%) akibat harga minyak mentah yang lebih rendah dan permintaan terhadap gas asli cecair (LNG) yang lembab. Oleh yang demikian, sumbangan daripada komoditi utama dijangka meningkat perlahan pada kadar 12.4% (2000: 12.2%) daripada jumlah pendapatan eksport.

Eksport Barangan Perkilangan

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2001, eksport barangan perkilangan menguncup sebanyak 5.9% (Januari-Julai 2000: 19.9%) kepada RM169,316 juta dan menyumbang sebanyak 86.4% daripada kuantiti eksport kasar, seperti di *Jadual 6.1*. Prestasi yang lemah ini adalah disebabkan oleh penurunan jualan cip dunia yang di luar jangkaan dan kelembapan ekonomi beberapa rakan dagangan utama Malaysia. Eksport keluaran elektrik dan elektronik, sebagai satu kumpulan, walaupun mengalami penguncupan, terus menjadi penyumbang terbesar kepada jumlah pendapatan eksport barangan perkilangan sebanyak 68.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2001. Pertumbuhan komponen kecil eksport elektronik yang merangkumi 48% daripada eksport perkilangan, menguncup dengan ketara sebanyak

CARTA 6.1
Struktur Eksport



Nota: Angka dalam carta merupakan peratusan daripada jumlah.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

13.1% (Januari-Julai 2000: 15.1%). Ketika keluaran barangan bukan elektronik seperti keluaran tekstil dan kayu terus turun, keluaran-keluaran lain terutamanya kimia dan keluaran kimia, petroleum dan pelbagai keluaran perkilangan yang lain, berjaya mengekalkan prestasinya dan mencatatkan pertumbuhan eksport yang positif. Sumbangan pelbagai keluaran perkilangan, kimia dan keluaran kimia serta keluaran petroleum meningkat masing-masing sebanyak 6.4%, 6% dan 3.6% (Januari-Julai 2000: 5.6%, 5.3% dan 3%). Daya tahan prestasi eksport keseluruhan keluaran perkilangan ini menunjukkan ianya berpotensi sebagai penyumbang eksport utama pada masa akan datang.

AS, Singapura, Kesatuan Eropah dan Jepun kekal sebagai pasaran eksport utama negara dengan menyumbang sebanyak dua pertiga daripada eksport barangan perkilangan untuk tempoh tujuh bulan pertama 2001, seperti di *Jadual 6.2*. AS terus menjadi pengimport terbesar barangan

perkilangan Malaysia dengan sumbangan sebanyak 23.1%, diikuti oleh Singapura (17%), Kesatuan Eropah (14.5%) dan Jepun (11.9%).

Elektronik, Perkakasan Elektrik dan Jentera

Pendapatan eksport **elektronik, perkakasan elektrik dan jentera** berkurangan sebanyak 8.9% atau RM116,044 juta (Januari-Julai 2000: 18.7% atau RM127,254 juta) dengan sumbangan berkurangan kepada 68.5% (Januari-Julai 2000: 70.7%). Eksport elektronik sebagai satu kumpulan merosot sebanyak 13.1% disebabkan oleh kekurangan pesanan luar negara bagi komputer peribadi dan perkakasannya. Kelemahan permintaan luar negara ini telah menyebabkan eksport separa konduktor turun sebanyak 6.3% (Januari-Julai 2000: 4%) sejajar dengan penurunan berterusan permintaan cip dunia, seperti di *Jadual 6.3*. Penambahan inventori dan kapasiti pengilang yang besar dalam industri

JADUAL 6.1

Eksport Barangan Perkilangan
(Januari-Julai)

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2000	2001	2000	2001	2000	2001
Elektronik, perkakasan elektrik dan jentera	127,254	116,044	18.7	-8.9	70.7	68.5
Tekstil, pakaian dan kasut	5,945	5,447	11.4	-8.4	3.3	3.2
Keluaran kayu	7,678	6,871	38.6	-10.5	4.3	4.1
Keluaran getah	2,789	2,679	-8.6	-3.9	1.5	1.6
Makanan, minuman dan tembakau	3,188	3,273	2.9	2.7	1.8	1.9
Keluaran petroleum	5,532	6,151	136.2	11.2	3.0	3.6
Kimia, keluaran kimia dan plastik	9,493	10,186	44.2	7.3	5.3	6.0
Keluaran galian bukan logam	1,471	1,411	13.8	-4.1	0.8	0.8
Besi, keluli dan keluaran logam	4,917	4,960	9.0	0.9	2.8	3.0
Kelengkapan pengangkutan	1,605	1,423	-46.9	-11.0	0.9	0.9
Pelbagai keluaran perkilangan	10,088	10,870	24.0	7.7	5.6	6.4
Jumlah	179,964	169,316	19.9	-5.9	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan.

elektronik dunia mengakibatkan lebih penawaran dan seterusnya mengakibatkan kejatuhan harga eksport. Walau bagaimanapun, eksport barangan elektrik yang terdiri daripada perkakasan elektrik pengguna dan isi rumah serta keluaran elektrik perindustrian dan perdagangan, meningkat sebanyak 2.4% (Januari-Julai 2000: 29.1%), disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan eksport mesin pejabat dan peralatan komunikasi dalam keluaran elektrik perindustrian dan perdagangan. Oleh itu, kombinasi keluaran yang baik antara sektor elektrik dan elektronik beserta dengan keberkesanan kos yang lebih baik dan kecekapan yang lebih tinggi dapat membantu meringankan kesan kejatuhan industri cip. Usaha terus diambil untuk mendalam dan memperluaskan asas industri, terutamanya keluaran bernilai tambah tinggi, termasuk fabrikasi wafer. Peningkatan trend ke arah miniaturisasi,

digitalisasi dan pembangunan aplikasi baru peralatan elektronik dan elektrik serta perisian, akan memajukan lagi industri ini, kerana sektor ini dapat menyediakan permintaan baru industri elektronik di Malaysia. Tambahan pula, peningkatan trend ke arah *outsourcing* oleh syarikat multinasional terus memberi faedah kepada pengilang kontrak elektronik Malaysia.

Kimia, Keluaran Kimia dan Plastik

Sungguhpun keadaan ekonomi global adalah lembap, eksport **kimia, keluaran kimia dan plastik** terus mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.3% (Januari-Julai 2000: 44.2%), seperti di *Jadual 6.4*, disebabkan sebahagian besarnya oleh kenaikan eksport bahan kimia organik, barang-barang plastik dan baja. Walau

JADUAL 6.2

Destinasi Utama bagi Eksport Barangan Perkilangan¹
(Januari-Julai)


	RM juta		Bahagian (%)		Perubahan (%)
	2000	2001	2000	2001	2001
Amerika Syarikat	40,941	37,878	23.8	23.1	-7.5
Singapura	32,750	28,470	18.9	17.0	-13.1
Kesatuan Eropah	25,837	23,788	14.9	14.5	-7.9
Jepun	18,921	19,581	10.9	11.9	3.5
Hong Kong SAR	8,424	7,862	4.9	4.8	-6.7
China	3,931	5,652	2.3	3.4	43.8
Taiwan	6,657	4,795	3.8	2.9	-28.0
Lain-lain	35,521	36,066	20.5	21.9	1.5
Jumlah	172,982	164,092	100.0	100.0	

¹ Kod Piawaian Perdagangan Antarabangsa (SITC) 1,5,6,7 dan 8.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

CARTA 6.2

Eksport untuk Elektronik, Perkakasan Elektrik dan Jentera
(Januari-Julai)



Nota: Angka dalam carta merupakan peratusan daripada jumlah.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

JADUAL 6.3

**Destinasi Utama bagi Eksport Separa Konduktor
(Januari-Julai)**

	RM juta		Bahagian (%)		Perubahan (%)
	2000	2001	2000	2001	2001
Singapura	11,395	9,580	29.6	26.5	-15.9
Amerika Syarikat	7,677	6,782	19.9	18.8	-11.7
Jepun	3,255	3,324	8.4	9.2	2.1
Belanda	1,777	2,452	4.6	6.8	37.9
Hong Kong SAR	1,802	2,438	4.7	6.7	35.3
Taiwan	2,736	2,086	7.1	5.8	-23.8
Jerman	1,809	1,493	4.7	4.2	-17.5
Lain-lain	8,079	7,962	21.0	22.0	-1.4
Jumlah	38,530	36,118	100.0	100.0	-6.3

Sumber: Jabatan Perangkaan.

bagaimanapun, eksport bahan plastik dalam bentuk utama jatuh berikutan pesanan jualan industri elektronik luar negara yang rendah. Singapura, AS, Jepun dan Republik Rakyat China (China) kekal sebagai destinasi eksport utama keluaran industri ini dengan sumbangan sebanyak 84.5% kepada jumlah nilai eksport dalam tempoh tujuh bulan pertama 2001.

Tekstil, Pakaian dan Kasut

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2001, pendapatan eksport dari **tekstil, pakaian dan kasut** sebagai satu kumpulan, berkurangan sebanyak 8.4% berbanding pertumbuhan yang kukuh sebanyak 11.4% untuk tempoh masa yang sama tahun 2000, seperti di *Jadual 6.5*. Trend menurun ini disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah di pasaran eksport dan peningkatan persaingan harga daripada pengeluar berkos rendah serantau. Eksport keluaran tekstil berkurangan sebanyak 12.2% (Januari-Julai 2000: 19.9%) berikutan permintaan luar serta harga

eksport yang rendah bagi benang dan tekstil tiruan kerana pengilang tekstil melakukan pelambakan benang di pasaran untuk menghabiskan stok. Begitu juga dengan eksport pakaian yang menyumbang kira-kira separuh daripada keseluruhan eksport bagi industri ini turun sebanyak 4.4% (Januari-Julai 2000: 3.3%), menggambarkan dagangan yang rendah khususnya dari pasaran AS dan Kesatuan Eropah. Pendapatan eksport bagi kasut turut berkurangan berikutan pesanan yang rendah daripada pengimport utama seperti Singapura dan Itali.

Keluaran Kayu dan Getah

Pendapatan eksport **keluaran kayu** turun 10.5% (Januari-Julai 2000: 38.6%) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2001 disebabkan sebahagian besarnya oleh penurunan eksport komponen utama seperti venir dan papan lapis serta perabot kayu. Keadaan pemulihan ekonomi Jepun yang lembap dari yang dijangka, serta aktiviti pengurangan stok pasaran utama balak, telah

JADUAL 6.4

Eksport Kimia, Keluaran Kimia dan Plastik
(Januari-Julai)

	RM juta		Bahagian (%)		Perubahan (%)
	2000	2001	2000	2001	2001
Bahan kimia organik	2,311	2,891	24.3	28.4	25.1
Bahan plastik dalam bentuk utama	1,940	1,885	20.4	18.5	-2.8
Keluaran dan bahan kimia	1,443	1,394	15.2	13.7	-3.4
Barang-barang plastik	1,329	1,507	14.0	14.8	13.4
Baja	312	380	3.3	3.7	21.8
Lain-lain	2,158	2,129	22.8	20.9	-1.3
Jumlah	9,493	10,186	100.0	100.0	-7.3

Sumber: Jabatan Perangkaan.

JADUAL 6.5

Eksport Tekstil, Pakaian dan Kasut
(Januari-Julai)

	RM juta		Bahagian (%)		Perubahan (%)
	2000	2001	2000	2001	2001
Tekstil	2,856	2,507	48.0	46.0	-12.2
Pakaian	2,859	2,734	48.1	50.2	-4.4
Kasut	230	206	3.9	3.8	-10.4
Jumlah	5,945	5,447	100.0	100.0	-8.4

Sumber: Jabatan Perangkaan.

melembapkan eksport venir dan papan lapis sebanyak 6.9% (Januari-Julai 2000: -3.1%). Kelembapan pasaran utama terutama AS juga menyebabkan eksport perabot kayu dan komponennya turut berkurang.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2001, pendapatan eksport **keluaran getah** menguncup dengan perlahan sebanyak 3.9% (Januari-Julai 2000: -8.6%). Eksport sarung tangan getah yang merangkumi 69.4% daripada kuantiti eksport

sektor ini, terus mencatatkan peningkatan yang kukuh sebanyak 89.4%. Sungguhpun kuantiti eksport sarung tangan getah meningkat, pendapatan eksportnya adalah rendah disebabkan penurunan harga yang mendadak sebanyak 50%. Eksport tayar juga turun dengan sederhana sebanyak 1.3% (Januari-Julai 2000: -10%) disebabkan oleh jualan serantau yang lebih rendah.

Keluaran Besi, Keluli dan Galian Bukan Logam

Permintaan dalam negeri yang lebih perlahan dan kapasiti berlebihan dalam industri **besi dan keluli** telah merangsang pengilang tempatan meningkatkan usaha pemasaran ke luar negara. Kesannya, eksport keluaran logam yang direka meningkat 8.6%, didorong oleh 25.4% kenaikan eksport keluaran struktur logam asas. Eksport keluaran besi dan keluli seperti tiub dan paip meningkat dengan ketara sebanyak 50.1% dengan sumbangan sebanyak 12.6% (Januari-Julai 2000: 8.3%) daripada kuantiti eksport sektor ini. Namun demikian, prestasi eksport keluaran besi gelek rata serta turus besi dan keluli adalah lemah, disebabkan sebahagiannya oleh harga eksport yang rendah dan persaingan dari pengeluar serantau. Secara keseluruhannya, kadar pertumbuhan industri ini meningkat sebanyak 0.9% (Januari-Julai 2000: 9%).

Jualan eksport keluaran **galian bukan logam** turun sebanyak 4.1% (Januari-Julai 2000: 13.8%). Penurunan ini disebabkan oleh eksport bahan binaan tanah liat, bahan refraktori pembinaan dan bahan pengilangan galian yang lebih rendah akibat penurunan harga eksport dan terdapatnya persaingan daripada pengeluar berkos rendah luar negara. Sebaliknya, eksport bahan binaan kapur, simen dan bahan binaan pasang siap terus menunjukkan peningkatan, sementara kaca dan barang-barang kaca terus meningkat dengan ketara, masing-masing sebanyak 21.6% dan 24.9%.

Barang-barang Perkilangan Lain

Eksport **keluaran petroleum** merangkumi keluaran petroleum ditapis, sisa keluaran petroleum dan gas mencatatkan peningkatan yang kukuh sebanyak 11.2% (Januari-Julai 2000:

136.2%) atau RM6,151 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 2001. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan sebanyak 12.7% keluaran petroleum ditapis yang menyumbang sebanyak 78.8% kepada kuantiti eksport keluaran petroleum. Walau bagaimanapun, kadar eksport propana dan butana cecair adalah perlahan, sejajar dengan kelembapan aktiviti perkilangan serantau.

Pendapatan eksport dari **keluaran makanan, minuman dan tembakau** sebagai satu kumpulan meningkat sedikit pada kadar 2.7% (Januari-Julai 2000: 2.9%). Eksport perkilangan makanan hampir tidak berubah, meningkat hanya 0.1% (Januari-Julai 2000: 1.4%) disebabkan oleh eksport tepung dan barangan lemak dan minyak yang lebih rendah. Eksport minuman dan tembakau sebaliknya, mencatatkan peningkatan, masing-masing 14.7% dan 10.6%, dalam tempoh tujuh bulan pertama berbanding 16.3% dan 4.9% dalam tempoh yang sama tahun 2000.

Eksport **kelengkapan pengangkutan** yang merangkumi kenderaan jalanraya dan keretapi dan peralatan serta alat ganti yang berkenaan terus berkurangan sebanyak 11% (Januari-Julai 2000: -46.7%). Walaupun eksport alat ganti dan aksesori untuk kenderaan bermotor meningkat sebanyak 4.7% (Januari-Julai 2000: 27.7%), penurunan ketara eksport kereta dan kenderaan bermotor lain adalah lebih daripada peningkatan eksport alat ganti dan aksesori.

Kuantiti eksport **pelbagai keluaran perkilangan**, termasuk alat profesional dan saintifik, perkakas seni foto, barang optik dan pelbagai keluaran perkilangan, menyumbang sebanyak 6.4% kepada kuantiti eksport perkilangan. Walau bagaimanapun, pendapatan eksport dari keluaran ini meningkat pada kadar yang lebih rendah iaitu 7.7% (Januari-Julai 2000: 24%).

Eksport Komoditi Utama

Pendapatan eksport komoditi utama yang terdiri daripada hasil pertanian dan barangan galian dijangka turun lagi sebanyak 9.3% pada tahun 2001 berbanding dengan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 12.1% pada tahun 2000. Pendapatan eksport daripada komoditi pertanian

dijangka mencatat kejatuhan yang lebih kecil sebanyak 6.8% (2000: -20.2%) disebabkan penurunan eksport kayu balak, getah dan kayu gergaji. Pendapatan eksport daripada tiga komoditi tersebut menyumbang lebih sedikit daripada satu pertiga kepada kuantiti eksport. Pendapatan eksport daripada sektor perlombongan juga dijangka turun pada kadar 11.2% (2000: 60.9%), terutamanya disebabkan oleh harga petroleum mentah dan LNG yang rendah.

Minyak Kelapa Sawit dan Minyak Isirong Kelapa Sawit

Pendapatan eksport **minyak kelapa sawit** jatuh 10%, seperti di *Jadual 6.6*, disebabkan oleh harga yang lemah berikutan lebih penawaran dalam pengeluaran minyak dan lemak dunia. Memandangkan harga kelapa sawit dijangka bertambah baik pada bulan-bulan berikutnya, pendapatan dari minyak kelapa sawit diramalkan pulih dan meningkat sebanyak 6.4% selepas mengalami kejatuhan mendadak sebanyak 31.3% pada tahun 2000. Pemulihan ini disebabkan oleh pertumbuhan kukuh kuantiti eksport sebanyak 19.6%.

Selaras dengan prestasi eksport minyak kelapa sawit yang lemah, pendapatan eksport daripada **minyak isirong kelapa sawit** merosot 36%. Dengan harga minyak isirong kelapa sawit yang jangkakan lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2001, jumlah pendapatan eksport komoditi ini diramalkan turun pada kadar lebih kecil iaitu 7.9% (2000:-33.6%).

Kayu Balak dan Kayu Gergaji

Dalam tahun 2001, pendapatan eksport **kayu balak** dalam tahun 2001 dijangka turun kepada RM1,650 juta (2000: RM2,489 juta) berikutan jangkakan penurunan kuantiti eksport sebanyak 21.3% dan nilai seunit eksport sebanyak 15.7%. Nilai seunit eksport yang lebih rendah adalah disebabkan persaingan harga daripada Indonesia dan kayu-kayan jenis lain yang berkualiti setanding. Pendapatan eksport **kayu gergaji**, dijangka turun pada kadar 14.6%, berikutan jangkakan penurunan kuantiti eksport pada kadar 7.9% dan nilai seunit eksport pada kadar 7.3%.

JADUAL 6.6

Eksport Komoditi Utama (Januari-Julai)

	2001 January- Julai	2001* January- Julai	Perubahan (%)	
			2001	2001*
Minyak kelapa sawit¹				
Kuantiti ('000 tan)	6,208	10,600	29.1	19.6
Nilai seunit (RM/tan)	862	999	-30.3	-11.0
Nilai (RM juta)	5,352	10,588	-10	6.4
Minyak isirong kelapa sawit				
Kuantiti ('000 tan)	396	775	44.7	44.0
Nilai seunit (RM/tan)	1,269	1,310	-48.4	-36.0
Nilai (RM juta)	502	1,015	-25.4	-7.9
Kayu balak				
Kuantiti ('000 meter padu)	2,723	5,100	-29.1	-21.3
Nilai seunit (RM/meter padu)	330	324	-14.7	-15.7
Nilai (RM juta)	898	1,650	-39.5	-33.7
Kayu gergaji				
Kuantiti ('000 tan)	1,454	2,650	-14.3	-7.9
Nilai seunit (RM/meter padu)	939	974	-13.6	-7.3
Nilai (RM juta)	1,365	2,580	-25.9	-14.6
Getah				
Kuantiti ('000 tan Metrik)	468	885	-16.9	-11.1
Nilai seunit (RM/tan)	240	239	-12.4	-7.5
Nilai (RM juta)	1,122	2,115	-27.1	-17.7
Lada				
Kuantiti ('000 tan metrik)	17	28	20.4	19.1
Nilai seunit (RM/tan)	7,739	7,143	-55.6	-54.3
Nilai (RM juta)	132	200	-46.5	-45.6
Koko				
Kuantiti ('000 tan metrik)	10	15	54.3	31.5
Nilai seunit (RM/tan)	3,436	3,520	18.1	22.3
Nilai (RM juta)	35	53	82.2	60.8
Petroleum mentah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	9,286	16,750	-2.4	0.5
Nilai seunit (RM/tan)	795	731	0	-14.5
Nilai seunit (USD/tong)	27.53	25.30	0	-14.5
Nilai (RM juta)	7,384	12,243	-2.5	-14.0
Gas asli cecair (LNG)				
Kuantiti ('000 tan metrik)	9,306	15,130	2.3	-2.1
Nilai seunit (RM/tan)	736	690	3.7	-5.6
Nilai (RM juta)	6,847	10,440	6.1	-7.6
Timah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	13	21	0	1.9
Nilai seunit (RM/tan)	19,110	18,800	-10.7	-10.9
Nilai (RM juta)	248	395	-10.7	-9.2
Jumlah Nilai (RM juta)	23,884	41,278	-8.3	-9.3


¹ Minyak kelapa sawit mentah, minyak kelapa sawit yang diproses dan minyak kelapa sawit stearin.

* Anggaran untuk keseluruhan tahun.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

CARTA 6.3

Minyak Kelapa Sawit - Eksport dan Harga



kepada RM53 juta berdasarkan jangkaan pertumbuhan kuantiti eksport yang lebih perlahan pada bulan-bulan berikutnya.

Bagi **lada hitam**, memandangkan terdapat lebih penawaran dalam pasaran antarabangsa, nilai seunit eksport dijangka jatuh sebanyak 54.3% kepada RM7,143 setan metrik (2000: RM15,630 setan metrik). Oleh itu, meskipun kuantiti eksport meningkat sebanyak 19.1%, pendapatan eksport dijangka turun sebanyak 45.6% kepada RM200 juta (2000: RM367 juta).

Minyak Mentah dan Gas Asli Cecair

Pada keseluruhan tahun 2001, kuantiti eksport **minyak mentah** dijangka hampir tidak berubah, iaitu pada 16,750 tan metrik (2000: 16,670 tan metrik). Dengan disertai oleh faktor harga yang lebih rendah, pendapatan eksport daripada minyak mentah dijangka berkurangan 14.5% kepada

Getah


Permintaan dalam negeri yang lebih tinggi menyebabkan jumlah **getah** yang sedia ada untuk dieksport mengalami penurunan. Harga getah juga dijangka lebih rendah berikutan terdapatnya lebih penawaran di pasaran antarabangsa. Oleh itu, dengan jangkaan penurunan kuantiti eksport sebanyak 11.1% dan nilai seunit eksport pada kadar 7.5%, pendapatan eksport daripada getah dijangka turun sebanyak 17.7% (2000: 9.7%).

Komoditi Pertanian Lain


Pendapatan eksport daripada **koko** telah meningkat dengan ketara sebanyak 82.2% kepada RM35 juta disebabkan peningkatan besar dalam kuantiti eksport sebanyak 54.3%. Walau bagaimanapun, pada keseluruhan tahun, pendapatan eksport dijangka meningkat 60.8%

CARTA 6.4

Kayu Gergaji dan Kayu Balak - Eksport dan Nilai Seunit



CARTA 6.5
Getah - Eksport dan Harga



RM12,243 juta (2000: RM14,240 juta). Nilai seunit eksport dijangka menurun sebanyak 14.5% kepada RM731 setan metrik atau lebih kurang USD25.30 setong (2000: USD29.58 setong).

Nilai seunit eksport dan kuantiti eksport **LNG** dijangka masing-masing turun sebanyak 5.6% dan 2.1%, disebabkan kelembapan aktiviti industri negara-negara pengimport terutamanya Jepun, Republik Korea dan Taiwan. Berikutan itu, pendapatan eksport dijangka turun sebanyak 7.6% kepada RM10,440 juta pada tahun 2001 (2000: RM11,300 juta).

Timah


Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2001, harga **timah** menunjukkan trend menurun dan dijangkakan terus lemah pada bulan-bulan yang berikutnya. Berikutan itu, pada keseluruhan tahun,

nilai seunit eksport dijangka turun sebanyak 10.9%, manakala kuantiti eksport dijangka meningkat sedikit iaitu 1.9% kepada 21,000 tan metrik. Oleh itu, pendapatan eksport timah dijangka turun sebanyak 9.2% (2000: -11.4%).


Prestasi Import

Nilai kasar import, termasuk kos, insurans dan fret (c.i.f.), dalam tempoh tujuh bulan pertama 2001, turun 5.5% setelah mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 29.4% dalam tempoh yang sama tahun lepas. Komponen import khususnya barangan perantaraan, mencatatkan penurunan kadar pertumbuhan yang ketara. Barangan modal, yang mewakili 15.8% daripada jumlah import meningkat sedikit iaitu 1.9% setelah meningkat dengan banyaknya pada kadar 43.6% dalam tempoh yang sama tahun lepas. Keadaan

CARTA 6.6
Minyak Mentah - Eksport dan Harga



CARTA 6.7
Timah - Eksport dan Harga



ini menggambarkan aktiviti pembaharuan dan pembinaan modal yang terhad. Barangan perantaraan, yang menyumbang sebanyak 72.3% kepada jumlah keseluruhan import turun sebanyak 7.7% (Januari-Julai 2000: 30.9%), disebabkan oleh pertumbuhan yang perlahan dalam keluaran perkilangan. Barangan penggunaan, juga turun sebanyak 0.9% (Januari-Julai 2000: 20.7%), terutamanya kesan daripada pertumbuhan penggunaan swasta dalam negeri yang lebih perlahan.

Pada keseluruhan tahun 2001, import kasar dijangka turun pada kadar yang lebih rendah iaitu 9.7% (2000: 25.7%), disebabkan kelembapan ekonomi dunia, terutamanya akibat serangan ke atas AS pada 11 September yang menjejaskan permintaan industri yang berorientasikan eksport.

Barangan Modal


Import **barangan modal** meningkat dengan perlahan pada kadar 1.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2001 (Januari-Julai 2000: 43.6%). Komponen yang menyebabkan pertumbuhan perlahan ini terdiri daripada barangan modal bukan kelengkapan pengangkutan serta kelengkapan pengangkutan untuk industri. Import kelengkapan pengangkutan untuk industri meningkat dengan banyak pada kadar 24% (Januari-Julai 2000: -35.3%). Antara barangan modal yang diimport adalah kenderaan keretapi, *hovertrain* dan peralatan berkaitan (1,160.9%) dan pesawat udara dan peralatan berkaitan, kapal angkasa, kenderaan pelancar kapal angkasa dan alat ganti (40.2%) selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperbaiki sistem pengangkutan dan memodenkan sistem telekomunikasi Malaysia. Walau bagaimanapun, import barangan modal lain, meningkat dengan perlahan pada kadar 0.4% (Januari-Julai 2000: 56.2%).

Barangan Perantaraan

Dalam tempoh tujuh bulan pertama, import **barangan perantaraan** menguncup 7.7% (Januari-Julai 2000: 30.9%), disebabkan pengeluaran industri pembuatan berorientasikan eksport yang lebih rendah. Import injap dan tiub termionik merosot sebanyak 14.8% (Januari-Julai 2000: 30%) dan menyumbang 37.4% (Januari-Julai 2000: 40.5%) kepada jumlah import barangan perantaraan. Trend yang sama dicatatkan bagi bekalan perindustrian dan alat ganti dan aksesori barangan modal (tidak termasuk injap dan tiub termionik) yang masing-masing mencatatkan penurunan 5.9% dan 3.8%. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pengeluaran industri elektronik yang lebih rendah akibat penurunan permintaan untuk peralatan komunikasi tanpa wayar dan teknologi maklumat dan e-dagang.

Sungguhpun demikian, import alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan terus meningkat dengan banyak pada kadar 29.1% (Januari-Julai 2000: 56.9%), mencerminkan kekukuhan prestasi industri kenderaan bermotor. Import bahan utama dan diproses serta komponen yang digunakan oleh industri makanan dan

CARTA 6.8
Import Barangan Modal, Perantaraan dan Penggunaan



Sumber : Jabatan Perangkaan.

JADUAL 6.7

**Import Mengikut Penggunaan Akhir dan Kategori Ekonomi Umum
 (Januari-Julai)**

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2000	2001	2000	2001	2000	2001
Barangan modal	25,814	26,298	43.6	1.9	14.7	15.8
Barangan perantaraan	129,886	119,945	30.9	-7.7	73.9	72.3
Barangan penggunaan	9,981	9,893	20.7	-0.9	5.7	6.0
Lain-lain (termasuk barang dwi guna)	6,275	6,072	21.4	-3.2	3.6	3.7
Import untuk dieksport semula	3,686	3,732	-28.5	1.3	2.1	2.2
Jumlah	175,641	165,941	29.4	-5.5	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan.

JADUAL 6.8

Import Barangan Modal Mengikut Penggunaan Akhir
(Januari-Julai)

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2000	2001	2000	2001	2000	2001
Barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	24,215	24,316	56.2	0.4	93.8	92.5
Alat kelengkapan pengangkutan (perusahaan)	1,599	1,982	-35.3	24.0	6.2	7.5
Jumlah	25,814	26,298	43.6	1.9	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan.

JADUAL 6.9

Import Barangan Perantaraan Mengikut Penggunaan Akhir
(Januari-Julai)

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2000	2001	2000	2001	2000	2001
Makanan dan minuman, utama dan diproses khusus untuk industri	2,165	2,296	-11.1	6.1	1.7	1.9
Bekalan perindustrian utama dan diproses	39,905	37,560	24.8	-5.9	30.7	31.3
Bahanapi dan pelincir, utama, diproses, lain-lain	6,755	7,096	120.1	5.1	5.2	5.9
Alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan	2,394	3,091	56.9	29.1	1.8	2.6
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali injap dan tiub termionik)	26,053	25,060	32.1	-3.8	20.1	20.9
Injap dan tiub termionik	52,615	44,842	30.0	-14.8	40.5	37.4
Jumlah	129,886	119,945	30.9	-7.7	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan.

minuman juga meningkat 6.1%, berikutan dari peningkatan permintaan terhadap makanan dan minuman. Sejar dengan peningkatan dalam industri pengangkutan tempatan, permintaan terhadap import bahanapi dan pelincir terus meningkat sebanyak 5.1% (Januari-Julai 2000: 120.1%). Dengan penurunan keseluruhan import barangan perantaraan, sumbangannya telah berkurang sedikit kepada 72.3% (Januari-Julai 2000: 73.9%).

Barangan Penggunaan

Selaras dengan pengurangan dalam perbelanjaan penggunaan swasta, import barangan penggunaan menguncup sedikit sebanyak 0.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2001 (Januari-Julai 2000: 20.7%). Pengurangan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan dalam import barangan tahan lama dan barangan separa tahan lama, sementara barangan penggunaan kategori lain meningkat dalam

tempoh yang sama, seperti di *Jadual 6.10*. Import alat kelengkapan pengangkutan dan makanan dan minuman, utama dan diproses telah meningkat dengan ketara, masing-masing sebanyak 36.8% dan 10.4% (Januari-Julai 2000: 17.2% and 7.8%). Import barangan tidak tahan lama termasuk minyak wangi, bahan kecantikan dan bahan kebersihan diri juga meningkat 4.2% (Januari-Julai 2000: 2.8%). Import barangan tahan lama yang merangkumi keluaran elektrik dan bukan elektrik isirumah, jam tangan dan jam dinding dan barang kemas turun 2% (Januari-Julai 2000: 49.4%), sementara import barangan separa tahan lama seperti pakaian dan kasut, kelengkapan rumah dan barangan plastik menguncup dengan ketara sebanyak 21% (Januari-Julai 2000: 56.1%).

Barangan Lain

Import barangan lain, menguncup 3.2% (Januari-Julai 2000: 21.4%) sebahagian besarnya


JADUAL 6.10

Import Barangan Penggunaan Mengikut Penggunaan Akhir (Januari-Julai)

	Nilai (RM juta)		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2000	2001	2000	2001	2000	2001
Makanan dan minuman utama dan diproses khusus untuk penggunaan isirumah	3,654	4,033	7.8	10.4	36.6	40.8
Alat kelengkapan pengangkutan (bukan perusahaan)	50	69	17.2	36.8	0.5	0.7
Barang pengguna lain	6,277	5,791	29.7	-7.7	62.9	58.5
Barang tahan lama	1,263	1,237	49.4	-2.0	12.7	12.5
Barang separa tahan lama	2,659	2,101	56.1	-21.0	26.6	21.2
Barang tidak tahan lama	2,354	2,452	2.8	4.2	23.6	24.8
Jumlah	9,981	9,893	20.7	-0.9	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan.

CARTA 6.9
Haluan Perdagangan
 (Januari-Julai 2001)



Nota: Angka dalam carta merupakan peratusan daripada jumlah.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

disebabkan oleh penurunan import alat kelengkapan pengangkutan dan kereta penumpang. Dalam tempoh kajian, **import untuk dieksport semula** berkembang 1.3% (Januari-Julai 2000: -28.5%). Tanpa mengambil kira jumlah import untuk dieksport semula, import tertangguh menguncup 5.7% (Januari-Julai 2000: 31.5%).

Haluan Perdagangan


Jumlah perdagangan Malaysia merosot sebanyak 5.8% (Januari-Julai 2000: 23.4%), dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2001. Jumlah eksport menguncup sebanyak 6% (Januari-Julai 2000: 18.8%), sementara jumlah import berkurang sebanyak 5.5% (Januari-Julai 2000: 29.4%). Dari segi pecahan, eksport merangkumi 54%, sementara import merangkumi 46% daripada jumlah perdagangan. Imbangan perdagangan Malaysia terus mencatatkan lebihan sebanyak RM30,031 juta (Januari-Julai 2000: RM32,814 juta). Lebihan yang besar ini, telah dicatatkan selama empat puluh lima bulan berturut-turut

sejak November 1997. Pola perdagangan Malaysia kekal tidak berubah dengan AS, Jepun, Singapura dan Kesatuan Eropah sebagai rakan dagangan utama, merangkumi lebih kurang dua per tiga (Januari-Julai 2000: 64.1%) daripada jumlah perdagangan. Perdagangan dengan negara-negara ASEAN (selain Singapura) menguncup sebanyak 4.6% (Januari-Julai 2000: 34.9%) dengan sumbangannya kepada jumlah perdagangan meningkat secara perlahan iaitu sebanyak 9% (Januari-Julai 2000: 8.9%). Perdagangan dengan ekonomi industri baru (NIE) menguncup 14.4% dan mengurangkan sumbangannya kepada jumlah perdagangan kepada 11.3% (Januari-Julai 2000: 12.5%).


Amerika Syarikat

Amerika Syarikat kekal sebagai rakan dagangan terbesar Malaysia, dengan sumbangan sebanyak 18.6% (Januari-Julai 2000: 18.7%). Import dari AS menguncup 4.8% atau 16.6% daripada

CARTA 6.10
Imbangan Perdagangan Mengikut Negara
(Januari-Julai 2001)



CARTA 6.11
Imbangan Perdagangan



JADUAL 6.11
Perdagangan Dengan Amerika Syarikat
 (Januari-Julai)

	Eksport				Import			
	RM juta		Perubahan (%)		RM juta		Perubahan (%)	
	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak ¹	595	515	-5.2	-13.5	581	670	-12.1	15.4
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir ²	1,217	1,189	96.0	2.3	516	586	1.1	13.6
Barang-barang perkilangan, perantaraan ³	2,266	2,059	31.9	-9.1	2,855	3,100	10.7	8.6
Jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan ⁴	33,519	30,487	5.0	-9.0	22,250	20,248	18.4	-9.0
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap ⁵	5,140	5,320	11.3	3.5	2,373	2,639	47.1	11.2
Pelbagai ⁶	90	104	10.5	15.4	407	349	10.1	-14.2
Jumlah	42,827	39,674	8.1	-7.4	28,981	27,592	18.1	-4.8

¹ Termasuk SITC 0,1 dan 4.

² Termasuk SITC 2 dan 3.

³ Termasuk SITC 5 dan 6.

⁴ Termasuk SITC 7 sahaja.

⁵ Termasuk SITC 8 sahaja.

⁶ Termasuk SITC 9 sahaja.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

keseluruhan import Malaysia, sementara eksport berkurang sebanyak 7.4% atau 20.2% daripada jumlah eksport. Malaysia terus mencatatkan lebih perdagangan yang agak tinggi dengan AS iaitu sebanyak RM12,082 juta (Januari-Julai 2000: RM13,847 juta). Eksport utama merupakan jentera, terutamanya peralatan memproses data automatik, jentera elektrik, mesin kegunaan pejabat serta pengangkutan, kelengkapan rakaman dan pengeluaran suara serta kelengkapan telekomunikasi, yang menyumbang dalam jumlah yang besar iaitu 76.8% kepada

jumlah eksport ke AS. Sebahagian besar import komoditi utama yang diimport dari AS juga, merangkumi alat ganti untuk litar elektronik sepadu dan pemasangan mikro, mesin cetak offset, alat ganti dan aksesori untuk mesin memproses data automatik serta pam untuk cecair.

Jepun

Jepun terus menjadi rakan dagangan kedua terbesar Malaysia. Walau bagaimanapun, jumlah

JADUAL 6.12

Perdagangan Dengan Jepun
(Januari-Julai)

	Eksport				Import			
	RM juta		Perubahan (%)		RM juta		Perubahan (%)	
	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	693	571	-19.0	-17.6	63	54	-2.3	-13.4
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir	7,168	7,363	78.3	2.7	280	255	10.4	-9.1
Barang-barang perkilangan, perantaraan	3,090	3,179	10.1	2.9	8,273	7,441	25.8	-10.1
Jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan	14,077	14,537	30.2	3.3	25,938	22,540	39.5	-13.1
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	1,738	1,853	21.7	6.6	2,346	2,222	54.1	-5.3
Pelbagai	158	178	-16.6	12.9	907	719	21.7	-20.7
Jumlah	26,923	27,682	33.9	2.8	37,807	33,231	36.2	-12.1

Sumber: Jabatan Perangkaan.

perdagangan menguncup sebanyak 5.9% (Januari-Julai 2000: 35.2%) merangkumi 16.8% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke Jepun mengembang 2.8% atau 14.1% daripada jumlah eksport. Eksport utama adalah LNG, alat ganti dan aksesori untuk mesin memproses data automatik, alat terima siaran televisyen, pemasangan elektrik mikro dan papan lapis. Sebaliknya, import dari Jepun, menguncup sebanyak 12.1% memandangkan aktiviti domestik Malaysia yang terus perlahan dalam tempoh separuh pertama tahun 2001. Item import utama terdiri daripada litar elektronik sepadu, perkakasan mesin dan mekanikal dan alat ganti dan aksesori untuk mesin memproses data automatik dan kelengkapan pengangkutan. Dengan kadar pertumbuhan eksport melebihi import, imbalan

perdagangan, walaupun terus menguntungkan Jepun, telah berkurang kepada RM5,550 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2001 (Januari-Julai 2000: RM10,884 juta).

Singapura

Perdagangan luar Malaysia dengan **Singapura** iaitu rakan dagangan ketiga terbesar, berkurang sebanyak 11.5% (Januari-Julai 2000: 32.8%), menyumbang kepada 15% kepada jumlah dagangan. Eksport turun sebanyak 11.7% (Januari-Julai 2000: 31.6%), sementara import menguncup sebanyak 11.2% (Januari-Julai 2000: 34.6%). Kesannya, Malaysia mencatatkan lebihan dagangan berjumlah RM11,561 juta (Januari-

Julai 2000: RM13,233 juta) dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2001. Alat ganti dan aksesori mesin memproses data automatik, litar sepadu, kelengkapan pengangkutan dan telekomunikasi yang merupakan eksport utama, menyumbang 69.1% kepada kuantiti eksport, sementara kategori yang sama bagi import menyumbang sebanyak 58.8% kepada jumlah import.

ASEAN

Perdagangan Malaysia dengan negara-negara **ASEAN** (selain Singapura) menguncup 4.6% dan menyumbang sebanyak 9% kepada jumlah perdagangan negara dalam tempoh tujuh bulan pertama (Januari-Julai 2000: 8.9%). Eksport merosot 1.3% (Januari-Julai 2000: 34.9%) dengan item utama merangkumi minyak mentah, alat ganti dan aksesori memproses data automatik, tiub gambar televisyen, litar sepadu serta keluaran perkilangan lain, merangkumi lebih kurang dua per tiga daripada jumlah eksport. Import yang merangkumi litar sepadu, alat ganti dan aksesori memproses data automatik, alat ganti untuk litar elektronik sepadu dan pemasangan mikro, menguncup 7.8% (Januari-Julai 2000: 34.9%). Hasilnya, Malaysia mencatatkan lebih dagangan sebanyak RM396 juta dengan negara-negara ASEAN (Januari-Julai 2000: -RM746 juta), sebahagiannya berikutan dari lebih perdagangan dengan Thailand (RM1,174 juta) dan Brunei (RM634 juta). Malaysia terus mencatatkan defisit dengan Indonesia (RM1,478 juta) dan Filipina (RM756 juta).

Kesatuan Eropah

Jumlah perdagangan dengan **EU**, yang merupakan satu lagi rakan dagangan yang penting, hampir tidak berubah iaitu meningkat perlahan pada kadar 0.2% (Januari-Julai 2000: 11.1%) dalam tempoh tujuh bulan pertama, dengan menyumbang sebanyak 13.4% (Januari-Julai 2000: 12.6%) kepada keseluruhan jumlah perdagangan Malaysia. Dengan kenaikan import sebanyak 12.4% (Januari-Julai 2000: 20.7%) dan pengurangan eksport sebanyak 7.9% (Januari-Julai 2000: 5.4%), Malaysia mencatatkan lebih dagangan yang lebih kecil dengan EU berjumlah

RM5,138 juta (Januari-Julai 2000: RM9,799 juta). Di kalangan ekonomi EU, Jerman merupakan rakan dagangan yang penting dengan menyumbang sebanyak 22.4% kepada jumlah perdagangan dengan kesatuan tersebut, diikuti oleh Belanda (21.5%) dan UK (19.6%). Jumlah perdagangan dengan ketiga-tiga ekonomi tersebut berjumlah RM30,726 juta.

Ekonomi Industri Baru

Dagangan luar Malaysia dengan **NIE**, yang merangkumi Taiwan, Korea Selatan dan Kawasan Pentadbiran Khas Hong Kong (SAR) menguncup 14.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2001 setelah mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 22.5% dalam tempoh yang sama tahun 2000. Perdagangan dengan ekonomi tersebut merangkumi 11.3% daripada jumlah perdagangan Malaysia (Januari-Julai 2000: 12.5%). Eksport, sebahagian besarnya terdiri daripada jentera, kelengkapan telekomunikasi dan pengangkutan serta LNG dan minyak mentah menguncup 14.3%, manakala import pula yang terdiri daripada jentera, kelengkapan telekomunikasi dan tiub gambar televisyen sinar katod turun 14.5%. Hasilnya, Malaysia mencatatkan lebih perdagangan berjumlah RM2,408 juta dengan ekonomi-ekonomi tersebut (Januari-Julai 2000: RM2,753 juta). Taiwan kekal sebagai rakan dagangan utama, mewakili 37.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia dengan NIE, diikuti oleh Hong Kong SAR (31.5%) dan Korea Selatan (30.8%). Dari segi imbalan perdagangan, Malaysia mencatatkan lebih perdagangan dengan Hong Kong SAR (RM4,553 juta) dan Korea Selatan (RM561 juta) tetapi mengalami defisit perdagangan dengan Taiwan (RM2,705 juta).

Negara-negara Lain

Jumlah perdagangan dengan **China** terus berkembang dengan pesat sebanyak 16.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2001 (Januari-Julai 2000: 37.5%). Eksport, yang terdiri sebahagian besarnya daripada mesin elektrik, pemantulan arial televisyen dan radio serta minyak

JADUAL 6.13

Perdagangan Dengan Singapura
(Januari-Julai)

	Eksport				Import			
	RM juta		Perubahan (%)		RM juta		Perubahan (%)	
	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	1,797	1,779	-14.1	-1.0	138	156	16.0	12.8
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir	2,381	2,327	81.3	-2.3	3,951	4,460	62.7	12.9
Barang-barang perkilangan, perantaraan	3,531	3,285	19.8	-7.0	3,058	2,533	32.5	-17.2
Jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan	26,941	22,786	38.0	-15.4	14,852	12,535	31.8	-15.6
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	2,044	2,107	10.3	3.1	1,312	1,024	47.3	-22.0
Pelbagai	666	709	2.1	6.4	817	724	-10.3	-11.4
Jumlah	37,361	32,993	31.6	-11.7	24,128	21,431	34.6	-11.2

Sumber: Jabatan Perangkaan.

mentah dan kelapa sawit meningkat dengan banyak pada kadar 27.8%, manakala, import yang sebahagian besarnya terdiri daripada jentera dan litar tercetak serta pemantul arial televisyen dan radio, mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan pada kadar 6.4%. Hasilnya, kedudukan perdagangan dengan China pulih dan mencatatkan lebih perdagangan sebanyak RM560 juta berbanding dengan defisit RM667 juta pada tahun lepas.

Dalam tempoh kajian yang sama jumlah perdagangan dengan **Australia** dan **New Zealand** menguncup sebanyak 6.4% (Januari-Julai 2000: 18.5%). Eksport ke kedua-dua negara tersebut turun sebanyak 11.6% (Januari-Julai 2000: 25.9%), sementara import berkembang dengan

perlahan pada kadar 1.1% (Januari-Julai 2000: 9.3%). Namun demikian, Malaysia terus mencatatkan lebih perdagangan sebanyak RM1,123 juta. Sebahagian besar eksport adalah terdiri daripada minyak mentah, mesin memproses data automatik dan televisyen, manakala, kebanyakan item import terdiri daripada keluaran tenusu, gandum dan gula. Jumlah perdagangan dengan **Asia Barat** terus meningkat dengan banyaknya pada kadar 11.5% (Januari-Julai 2000: 56.5%). Sebahagian besar eksport adalah terdiri daripada barang-barang perkilangan siap dan perantaraan dan jentera berkembang pada kadar 11.8% (Januari-Julai 2000: 16.3%). Import yang terdiri terutamanya daripada minyak mentah dan barangan petroleum mencatatkan kenaikan sebanyak 11.2% (Januari-Julai 2000: 133.5%).

JADUAL 6.14

Perdagangan Dengan Kesatuan Eropah
(Januari-Julai)

	Eksport				Import			
	RM juta		Perubahan (%)		RM juta		Perubahan (%)	
	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	1,545	1,649	-22.2	6.8	543	615	14.0	13.3
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir	1,497	1,138	35.3	-24.0	311	416	17.1	33.7
Barang-barang perkilangan, perantaraan	2,206	2,088	10.3	-5.3	3,690	4,062	10.7	10.1
Jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan	20,094	18,240	4.8	-9.2	13,277	14,693	24.0	10.7
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	3,492	3,443	13.2	-1.4	913	1,203	18.7	31.7
Pelbagai	188	182	8.8	-1.8	489	613	29.8	25.5
Jumlah	29,021	26,740	5.4	-7.9	19,223	21,602	20.7	12.4

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Walaupun pertumbuhan eksport melebihi import, Malaysia terus mencatatkan defisit sebanyak RM178 juta (Januari-Julai 2000: -RM181 juta). Lebih perdagangan dengan **Asia Selatan dan Afrika**, terus dicatat, masing-masing pada jumlah RM3,580 juta (Januari-Julai 2000: RM4,462 juta) dan RM839 juta (Januari-Julai 2000: RM855 juta).

Imbangan Pembayaran

Akaun semasa imbangan pembayaran di jangka terus mencatat lebih bagi empat tahun berturut-turut. Namun begitu, lebih dalam akaun semasa dijangka mengecil, sebahagian besarnya disebabkan oleh lebih dalam akaun barangan yang lebih rendah dan peningkatan defisit dalam

akaun pindahan. Sebaliknya, defisit kewangan dijangka bertambah baik, disebabkan aliran keluar bersih dalam pelaburan portfolio dan pelaburan lain yang lebih rendah. Hasilnya, kedudukan keseluruhan imbangan pembayaran dijangkakan bertambah baik dan mencatat lebih berjumlah RM459 juta selepas mengalami defisit yang besar berjumlah RM3,703 juta pada tahun lepas.

Akaun Semasa

Akaun barangan imbangan pembayaran dijangka terus mencatat lebih sebanyak RM69,175 juta pada tahun 2001 (2000: RM79,247 juta). Walau bagaimanapun, lebih tersebut dijangka lebih

JADUAL 6.15
Perdagangan Dengan NIE Asia¹
(Januari-Julai)

	Eksport				Import			
	RM juta		Perubahan (%)		RM juta		Perubahan (%)	
	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	989	821	4.1	-16.9	143	180	0.0	25.4
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir	5,051	4,598	72.8	-9.0	401	294	39.0	-26.7
Barang-barang perkilangan, perantaraan	4,183	3,542	14.8	-15.3	5,556	4,748	38.3	-14.5
Jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan	14,091	11,810	11.1	-16.2	14,979	12,745	21.9	-14.9
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	856	791	-6.5	-7.6	1,046	975	39.2	-6.7
Pelbagai	153	153	35.4	0.0	448	364	18.5	-18.7
Jumlah	25,327	21,715	19.3	-14.3	22,574	19,307	26.3	-14.5

¹ Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong SAR sahaja.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

rendah berikutan penurunan yang mendadak dalam eksport barangan sebanyak 10.8% (2000:17%) disebabkan pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan dan penurunan yang lebih kecil dalam import barangan sebanyak 10.3% (2000: 26.2%).

Imbangan **akaun perkhidmatan**, dijangka bertambah baik dengan defisit yang lebih kecil berjumlah RM7,694 juta (2000: -RM11,212 juta), hasil daripada aliran masuk yang lebih tinggi bagi pengangkutan dan perjalanan. Aliran masuk dalam akaun pengangkutan dijangka meningkat lagi sebanyak 2.1% pada tahun 2001 (2000:17.4%), berikutan langkah Kerajaan untuk terus mempromosi penggunaan pelabuhan dan perkhidmatan perkapalan tempatan, khususnya

Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas sebagai pusat pemunggahan serantau.

Aliran masuk bersih **akaun perjalanan**, yang merangkumi perbelanjaan perjalanan persendirian dan perniagaan serta bayaran untuk pendidikan dan haji/umrah dijangka meningkat dengan kukuh sebanyak 27.9% (2000: 62.9%). Dalam tempoh enam bulan pertama 2001, terimaan perjalanan mengembang 41.4%. Sebaliknya, untuk separuh kedua, terimaan dijangkakan menguncup pada kadar 1.4% disebabkan kesan serangan ke atas AS pada 11 September. Terimaan perjalanan untuk seluruh tahun dianggarkan meningkat pada kadar 19.2% (2000: 30.5%). Ini didorong sebahagian besarnya oleh promosi pelancongan

JADUAL 6.16

Haluan Perdagangan Dengan Rakan Dagangan Lain
(Januari-Julai)

	Eksport				Import			
	RM juta		Perubahan (%)		RM juta		Perubahan (%)	
	2000	2001	2000	2001	2000	2001	2000	2001
ASEAN (Termasuk Singapura)	53,992	49,409	32.6	-8.5	41,505	37,451	34.7	-9.8
China	5,950	7,602	24.3	27.8	6,616	7,042	52.1	6.4
Asia Selatan	6,283	5,362	2.3	-14.7	1,821	1,782	5.9	-2.1
Asia Barat	3,647	4,078	16.3	11.8	3,827	4,256	133.5	11.2
Australia	5,309	4,613	28.6	-13.1	3,447	3,376	8.4	-2.1
New Zealand	681	683	8.5	0.4	682	797	13.8	16.8
Eropah Tengah dan Timur	538	813	34.9	51.0	327	242	85.2	-26.1
Afrika	1,713	1,680	-7.0	-1.9	858	841	25.1	-2.0
Jumlah	78,113	74,241	26.4	-5.0	59,084	55,788	36.9	-5.6

Sumber: Jabatan Perangkaan.

secara intensif serta peningkatan bilangan pelancong yang menghadiri persidangan antarabangsa, pameran dan acara sukan utama. Aliran keluar akaun perjalanan juga dijangka meningkat sebanyak 8% kepada RM8,420 juta (2000: 4%) sebahagian besarnya disumbangkan oleh perbelanjaan untuk pendidikan serta haji/umrah.

Akaun urusanniaga kerajaan dijangka terus mencatat aliran masuk bersih yang kecil berjumlah RM23 juta pada tahun 2001 (2000: RM53 juta). Pembayaran, sebahagian besarnya terdiri daripada perbelanjaan kedutaan Malaysia dan bantuan teknikal yang diberi oleh Kerajaan kepada negara-negara membangun lain, dianggarkan berkembang sebanyak 8.5% kepada RM462 juta pada tahun 2001 (2000: -1.4%). Penerimaan pula, sebahagian besarnya terdiri daripada perbelanjaan kedutaan asing, dijangka meningkat secara perlahan sebanyak 1.5% (2000: 5.3%). **Akaun pendapatan** imbalan pembayaran dijangka mencatat defisit yang lebih kecil. Aliran masuk daripada pendapatan pelaburan di luar

negara yang merangkumi pulangan daripada aset Bank Negara Malaysia serta pendapatan pelaburan rakyat Malaysia dijangka turun sebanyak 26.7% kepada RM4,933 juta (2000: 5.4% dan RM6,731 juta). Memandangkan penerimaan daripada pelaburan rakyat Malaysia di luar negara tidak mungkin melebihi pengaliran ke luar keuntungan dan dividen oleh syarikat asing yang beroperasi di Malaysia, komponen pendapatan pelaburan dijangka akan terus mencatat defisit tetapi pada jumlah yang lebih kecil iaitu, RM26,533 juta (2000: -RM27,934 juta).

Dengan kehadiran sejumlah besar bilangan pekerja asing di negara ini, aliran keluar bersih **pindahan semasa** yang sebahagian besarnya terdiri daripada penghantaran balik wang oleh mereka dijangka terus meningkat kepada RM8,784 juta, berbanding RM7,522 juta pada tahun 2000. Jumlah bayaran pindahan semasa mungkin meningkat dengan ketara sebanyak 8.6% pada tahun 2001 (2000: 6.7%), sebahagian besarnya terdiri daripada penghantaran balik wang oleh pekerja asing. Penerimaan pindahan semasa

JADUAL 6.17

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran
(RM juta)

	2000			2001*		
	Penerimaan	Pembayaran	Bersih	Penerimaan	Pembayaran	Bersih
Barangan	374,031	294,784	79,247	333,464	264,289	69,175
Perkhidmatan	52,346	63,558	-11,212	53,471	61,165	-7,694
Pengangkutan	11,118	22,470	-11,352	11,350	21,719	-10,369
Perjalanan	17,789	7,797	9,992	21,202	8,420	12,782
Perkhidmatan lain	22,960	32,865	-9,905	20,434	30,564	-10,130
Urus niaga kerajaan	479	426	53	485	462	23
Pendapatan	7,973	36,527	-28,554	6,273	33,900	-27,627
Pampasan pekerja	1,242	1,862	-620	1,340	2,434	-1,094
Pendapatan pelaburan	6,731	34,665	-27,934	4,933	31,466	-26,533
Pindahan semasa	2,735	10,257	-7,522	2,352	11,136	-8,784
Imbangan akaun semasa	437,085	405,126	31,959	395,560	370,490	25,070

* Anggaran.

JADUAL 6.18

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing ¹	Akhir Jan. 2001	11 Sept. 2001	Perubahan (%)	12 Sept. 2001	Akhir Sept. 2001	Perubahan (%)
Dolar AS	3.8000	3.8000	0.0	3.8000	3.8000	0.0
Paun Sterling	5.5543	5.5360	0.3	5.6069	5.5938	0.2
Euro	3.5194	3.4179	3.0	3.4639	3.4761	-0.4
Deutschemark	1.7994	1.7475	3.0	1.7711	1.7773	-0.3
Yen Jepun (100)	3.2624	3.1294	4.3	3.1819	3.1867	-0.2
Dolar Singapura	2.1786	2.1686	0.5	2.1861	2.1527	1.6
Baht Thai (100)	8.9257	8.4964	5.1	8.5547	8.5518	0.0
Peso Filipina (100)	7.7024	7.4060	4.0	7.4255	7.4006	0.3
Rupiah Indonesia (100)	0.0402	0.0417	-3.6	0.0420	0.0393	6.9

¹ Kadar purata antara bank pada 12:00 tengahari di Kuala Lumpur adalah purata antara harga belian yang paling tinggi dan harga jualan yang paling rendah.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

dari luar negara, dijangka turun dengan ketara sebanyak 14% pada 2001 (2000: -10.2%), sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan dalam penghantaran balik wang oleh rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara. Setelah mengambil kira defisit dalam komponen pendapatan dan pindahan semasa, **akaun semasa** imbalan pembayaran dijangka mencatat lebihan yang agak besar tetapi berkurangan iaitu kepada jumlah RM25,070 juta atau 7.9% daripada KNK (2000: RM31,959 juta atau 10.2% of KNK). Dengan itu, kedudukan asas imbalan pembayaran negara kekal kukuh.

Akaun Kewangan


Dalam **akaun kewangan**, aliran keluar bersih yang lebih kecil dijangka dicatatkan iaitu berjumlah RM17,948 juta berbanding RM23,848 juta pada tahun 2000. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh aliran keluar yang lebih kecil dalam pelaburan

portfolio dan akaun pelaburan lain. Aliran masuk dari pelaburan langsung dijangka agak kecil berjumlah RM5,642 juta (2000: RM6,694 juta), antara lain mencerminkan pelaburan Malaysia yang besar di luar negara dan pengurangan dalam aliran masuk pelaburan langsung asing.

Akaun pelaburan lain, termasuk pinjaman, kredit perdagangan dan deposit bank dijangka mencatat defisit berjumlah RM20,261 juta (2000: -RM21,147 juta) hasil daripada bayaran balik pinjaman luar negara oleh sektor awam yang berterusan berikutan usaha penstrukturan semula hutang sektor swasta.

Dengan lebihan dalam akaun semasa yang lebih dari mencukupi untuk mengatasi defisit dalam akaun kewangan, dan selepas mengambil kira aliran keluar bersih RM6,663 juta (2000: -RM11,814 juta) disebabkan oleh kesilapan dan ketinggalan termasuk kerugian akibat penilaian semula pertukaran asing, **kedudukan keseluruhan** imbalan pembayaran dijangka mencatat lebihan RM459 juta pada 2001 (2000: -RM3,703 juta).


CARTA 6.12
Rizab Antarabangsa Bersih



Sumber: Jabatan Perangkaan.

CARTA 6.13


Kadar Pertukaran Ringgit Berbanding Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 6.14

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Serantau Terpilih



Nota: Kenaikan pada indeks menunjukkan peningkatan mata wang asing berbanding Ringgit.

Rizab antarabangsa bersih Malaysia bertambah baik sejak akhir bulan Mei 2001, meningkat sebanyak RM14,398 juta atau USD3,789 juta dalam tempoh masa bulan Jun hingga akhir September 2001. Pada akhir September 2001, rizab antarabangsa bersih negara berjumlah RM112,934 juta (USD29,720 juta) berbanding jumlah terendah yang pernah dicatatkan pada tahun 2001 berjumlah RM98,536 juta (USD25,931 juta) pada 30 Mei 2001. Kedudukan rizab tersebut mencukupi untuk membiayai 4.6 bulan import tertangguh. Peningkatan rizab tersebut mencerminkan aliran masuk yang berterusan daripada perdagangan, pelaburan langsung asing serta dana portfolio yang lebih daripada mengimbangi pembayaran terhadap perkhidmatan dan bayaran balik hutang luar negara.

Kadar Pertukaran Asing

Ringgit ditetapkan kekal pada kadar RM3.80 kepada dolar AS sejak 2 September 1998 dan

terus memberikan kestabilan kepada pasaran kewangan negara. Nilai ringgit meningkat dengan sederhana dalam lingkungan 0.3%-5.1% berbanding kebanyakan mata wang utama dan serantau pada 11 September 2001 dan akhir Januari 2001, seperti di *Jadual 6.18*. Walau bagaimanapun, nilai rupiah Indonesia meningkat 3.6% berbanding ringgit, sebahagian besarnya berikutan dari perkembangan politik yang positif di republik tersebut. Namun begitu, dolar AS mengalami kelemahan akibat serangan ke atas AS pada bulan September serta disusuli dengan ketidakpastian pemulihan ekonomi AS dan keadaan ekonomi global yang semakin merosot. Justeru, prestasi ringgit bercampur-campur dengan nilainya merosot sedikit berbanding yen, euro dan deutschemark. Sementara, nilai ringgit meningkat berbanding paun sterling, peso Filipina, dolar Singapura dan rupiah Indonesia.